

SIARAN MEDIA

PERTANDINGAN KECERIAAN BULAN KEBANGSAAN 2018 BERI PELUANG ORANG RAMAI ZAHIRKAN SEMANGAT PATRIOTIK

PUTRAJAYA, 19 JULAI 2018 – Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) akan menganjurkan Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan 2018 bermula 1 hingga 31 Ogos 2018 bersempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018.

Pertandingan yang merupakan program tahunan JaPen sejak tahun 2010 bertujuan memupuk semangat patriotik dan cintakan Negara di samping meningkatkan kesedaran dan penghayatan kemerdekaan sama ada secara individu mahupun organisasi melalui cetusan kreativiti dalam menyampaikan informasi kenegaraan. Fokus utama penganjuran pertandingan adalah untuk memberi pengiktirafan serta penghormatan kepada rakyat Malaysia melalui suasana keceriaan sambutan Bulan Kebangsaan dengan cetusan kreativiti pengibaran Jalur Gemilang di kawasan kampung, bangunan dan premis masing-masing dalam usaha menggelorakan semangat patriotik secara holistik dan bersepadu.

Hadiah keseluruhan pertandingan berjumlah RM301,500.00 ditawarkan kepada pemenang menerusi sepuluh (10) kategori berikut:

1. Bangunan Kerajaan
2. Bangunan Swasta
3. Kampung (Kampung Tradisional / Kampung Baru Cina / Kawasan Estet / Felda)
4. Sekolah Menengah (Termasuk SMKA/ SM Teknik dan Vokasional)
5. Sekolah Rendah (Termasuk SJK Tamil dan SJK Cina)
6. Taman Perumahan

7. Individu
8. Pintu Gerbang
9. Anjung Komuniti
10. Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta

Penilaian akan meliputi tiga (3) aspek utama iaitu **aspek kreativiti** (keunikan kepelbagaian reka bentuk menggunakan bendera), **aspek daya tarikan** (kelainan yang ditonjolkan) dan **aspek nilai tambah** (pantun, slogan atau kata-kata patriotik).

Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia menerusi borang penyertaan yang boleh didapati di semua Jabatan Penerangan Negeri atau muat turun di laman sesawang rasmi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018 di malaysiamerdeka.my. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:-

Urus Setia
Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan 2018
Jabatan Penerangan Malaysia
Aras 11, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
Telefon: 03-89117339/7327 (Suhaimi / Rozaimi)
Emel: msuhaimirahman@gmail.com / raesronaldo@gmail.com

###

Disediakan oleh	:	Jawatankuasa Media dan Publisiti Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018 Jabatan Penerangan Malaysia Aras 10, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya
Tel	:	03 – 8911 3440
Faks	:	03 – 8911 7544
E-mel	:	sayangimalaysiaku@gmail.com
Laman Web	:	malaysiamerdeka.my
Facebook	:	Merdeka 360
Tarikh dikeluarkan	:	19 Julai 2018